

OLEH S. SIVASELVAM 1979

PYONGYANG, 12 JUN (BERNAMA) — RUNDINGAN SEDANG DIJALANKAN UNTUK MENUBUH SATU PROJEK USAHASAMA ANTARA BADAN-BADAN PERDAGANGAN KOREA UTARA DENGAN SEBUAH SYARIKAT SWASTA MALAYSIA.

PROJEK TERSEBUT AKAN MEMPERKENALKAN KELENGKAPAN JENTERA BERAT DAN RINGAN SERTA BARANG-BARANG PENGGUNA KOREA UTARA YANG AKAN DIPAMER UNTUK JUALAN DI PUSAT PERDAGANGAN KOREA UTARA DI RANCANG DITUBUHKAN DI KUALA LUMPUR TIDAK LAMA LAGI.

PUSAT ITU JUGA AKAN MENYEDIAKAN KEMUDAHAN SELEPAS JUALAN DAN PERKHIDMATAN.

DAYAUSAHA MENUBUHKAN USAHASAMA ITU TELAH DIAJUKAN OLEH TIMBALAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, SEMASA LAWATAN RASMI LIMA HARI KE KOREA UTARA, MENGETUAI ROMBONGAN PERDAGANGAN MALAYSIA UNTUK MENANDATANGANI PERJANJIAN PERDAGANGAN MALAYSIA-KOREA UTARA.

NAIB PERDANA MENTERI KOREA UTARA, ENCIK KONG JIN TAE, MENYAMBUT BAIK CADANGAN TERSEBUT DAN MENYATAKAN KEDUTAAN KOREA UTARA DI KUALA LUMPUR AKAN DIMINTA MENGAJI BUTIR-BUTIR CADANGAN TERSEBUT

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERPENDAPAT KOREA UTARA MESTILAH BERUSAHA MENGIKLAN DAN MENGGALAKKAN BARANG PENGELUARANNYA SEKIRANYA IA INGIN MENDAPAT PASARAN DI MALAYSIA, DAN INI BOLEH DILAKUKAN OLEH SEKTOR SWASTA. — BERSAMBUNG 1445/SZ

KOREA-USAHASAMA 2 PYONGYANG

MENURUTNYA, HANYA SEBUAH SAHAJA SYARIKAT SWASTA YANG AKAN DIPILIH UNTUK MENGENDALIKAN USAHA ITU KERANA SEKIRANYA ADA LEBIH DARI SEBUAH, PERSAINGAN AKAN TIMPUL DAN INI MENGHALANG USAHA PERDAGANGAN, DAN DENGAN ITU MENJEJASKAN TUJUAN USAHASAMA.

BELIAU BERPENDAPAT BANYAK BARANG-BARANG KOREA UTARA YANG BOLEH DIPASARKAN DI NEGARA INI SEPERTI JENTERA PEMBERSIH TAPAK DAN MEMBINA JALAN, PARANG TEMPIKAR, KRAFTANGAN, LAMPU, MAKANAN DALAM TIN DAN SEBAGAINYA.

PERNAS, SEBAGAI PERTUJUAN PERDAGANGAN KERAJAAN, AKAN MENJADI PENGENDALI TUNGGAL BARANGAN UTAMA KOREA UTARA SEPERTI PENGELUARAN BESIWAJA DAN LOGAM YANG TIDAK KARAT.

PERJANJIAN PERDAGANGAN YANG DITANDATANGANI OLEH DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN ENCIK KONG AKAN MERINTIS JALAN MENINGKATKAN PERDAGANGAN SECARA LANGSUNG ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

DIBAWAH PERJANJIAN TERSEBUT, KOREA UTARA TELAH MENSENARAIKAN 49 JENIS BARANGAN EKSPORT KE MALAYSIA, TERMASUK SEMUA JENIS KELENGKAPAN JENTERA, BESIWAJA, TEKSTAIL, BAJA, SIMEN, BIJI-BIJIAN DAN JUGA SUTRA MENTAH. — BERSAMBUNG 1448/SZ

MALAYSIA PULA TELAH MENAWARKAN 48 JENIS BARANG EKSPORT TERMASUK BARANGAN DARI GETAH DAN KAYU, HASIL LAUT, MINUMAN, PERABOT, BARANG PEWTER, KELENGKAPAN ELEKTRIK DAN KRAFTANGAN DI SAMPING EKSPORT BARANGAN UTAMA IAITU GETAH, BIJIH TIMAH, KAYU DAN MINYAK KELAPA SAWIT.

PERJANJIAN TERSEBUT YANG MEMBERI TARAF +LAYANAN TERISTIMEWA+ ANTARA SATU SAMA LAIN ANTARA LAIN AKAN MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA KEDUA-DUA NEGARA MENYERTA PAMERAN PERDAGANGAN, DISAMPING MEMUDAHKAN PERATURAN PEMERIKSAAN KASTAM.

PERDAGANGAN MALAYSIA DENGAN KOREA UTARA SETAKAT INI SANGAT KECIL, BERJUMLA \$6.3 JUTA TAHUN LALU, 0.019 PERATUS DARIPADA JUMLAH DAGANGAN MALAYSIA DI SELURUH DUNIA. IMBANGAN PERDAGANGAN BAGAIMANAPUN MENGUNTUNGGAN KOREA UTARA SEBANYAK \$1.9 JUTA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG MENAMATKAN LAWATANNYA HARI AHAD LALU TERTARIK HATI DENGAN KEMAJUAN KOREA UTARA DALAM BIDANG PERINDUSTRIAN DAN DAYACIPTA UNTUK MENCAPAI KECUKUPAN NEGARA.

— BERNAMA 140/SZ